

**PKR terima surat jawapan istana Selangor**  
**Malaysian Insider**  
**Sept 3, 2014**  
**OLEH MOHD FARHAN DARWIS**

PKR mengesahkan menerima surat jawapan daripada pihak istana berhubung isu pelantikan menteri besar Selangor yang baharu petang tadi.

Setiausaha Agung PKR Datuk Saifuddin Nasution Ismail dalam satu kenyataan berkata, istana turut mengesahkan penerimaan surat daripada Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkenaan sokongan daripada 30 Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Selangor yang menyokongnya sebagai menteri besar untuk menggantikan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Kenyataan itu bagaimanapun ditarik balik sebaik sahaja diedarkan.

"Kenyataan itu belum disemak," kata Pengarah Komunikasi PKR Fahmi Fadzil ketika dihubungi The Malaysian Insider apabila ditanya berkenaan penarikan kenyataan itu. Dalam kenyataan berkenaan, PKR turut merakamkan penghargaan kepada istana kerana mengesahkan penerimaan surat pencalonan Dr Wan Azizah sebagai calon menteri besar Selangor.

PKR dijangkakan akan mengeluarkan kenyataan baru dalam jangkamasa terdekat.

Sementara Khalid hari ini meminta semua pihak bersabar menunggu istana memberikan maklum balas cadangan calon menteri besar baharu yang diserahkan PAS, PKR, dan DAP.

Khalid berkata, pihaknya dimaklumkan ketiga-tiga parti selesai menghantar nama calon kepada Sultan Selangor seperti yang ditetapkan istana iaitu selewat-lewatnya hari ini.

"Saya percaya proses seterusnya akan menyusul dan istana akan memberi maklum balas.

"Sehingga proses selesai pentadbiran negeri akan berjalan seperti biasa di bawah Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

"Harap semua pihak bersabar dan membenarkan proses dijalankan mengikut Undang-Undang Tubuh Negeri," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat exco di Bangunan Setiausaha Kerajaan (SUK) di Shah Alam, hari ini. – 3 September, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pkr-terima-surat-jawapan-istana-selangor#sthash.xeqx1irP.dpuf>